



**JABATAN KETUA MENTERI**  
*Chief Minister's Department*  
Aras 28, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan UMS, Teluk Likas  
88400 KOTA KINABALU, SABAH  
MALAYSIA

Tel : +6088-369 900  
Faks : +6088-211 016

Rujukan : JPAN:1000-9/159 Klt.2 (136)  
Tarikh : 27 April 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk / Tuan / Puan,

**SYOR DAN PERAKUAN BAGI URUSAN PERKHIDMATAN PEGAWAI  
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Perkara di atas dirujuk.

2. Seperti YBhg. Datuk/ tuan/ puan sedia maklum, peranan dan kuasa Ketua Jabatan mengenai urusan perkhidmatan pegawai perkhidmatan awam negeri adalah dijelaskan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.
3. Sehubungan dengan itu, Ketua Jabatan iaitu pegawai yang mengetuai sesebuah kementerian atau jabatan di peringkat ibu pejabat atau di pejabat daerah hendaklah bertanggungjawab ke atas semua perakuan yang dikemukakan seperti pengesahan jawatan, pemangkuan, kenaikan pangkat, menanggung kerja dan urusan perkhidmatan yang lain.
4. Pegawai selain daripada ketua jabatan **TIDAK DIBENARKAN** untuk menandatangani apa-apa syor atau perakuan berhubung urusan perkhidmatan tersebut. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan Pengurus Sumber Manusia, Ketua Pejabat di cawangan atau Pegawai di bawah seliaan mematuhi perkara ini.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

( **DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, J.P. )**  
Setiausaha Kerajaan Negeri

**“SABAH MAJU JAYA”**